

04  
SOALAN NO. : 47

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Puan Hajah Fuziah binti Salleh**  
**[ Kuantan ]**

**TARIKH : 12 MAC 2015 (Khamis)**

**SOALAN :**

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ] minta**  
**MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**  
menyatakan bilakah sistem saliran (*Monsoon Drain*) akan  
dibina dari Tg. Lumpur ke Kempadang Kuantan  
memandangkan kawasan tersebut sudah pesat  
membangun kini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kawasan Tg. Lumpur, Kempadang, Peramu dan Kg. Soi merupakan kawasan yang pesat membangun dan mempunyai penduduk yang padat. Pembangunan yang pesat dan penempatan yang padat menyumbang kepada pertambahan air larian permukaan yang tinggi dan mendadak yang mengakibatkan sering berlaku banjir kilat. Sistem perparitan sedia ada di kawasan ini adalah tidak sistematik dan tidak mampu menampung kadar alir yang tinggi.

Lanjutan daripada faktor pembangunan yang pesat di kawasan Tanjung Lumpur, Peramu, Kempadang dan Kg Sg Soi, sistem perparitan di kawasan ini perlu dibina dengan lebih terancang dan teratur. Oleh yang demikian, di dalam Rancangan Malaysia Ke-11, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia telah mencadangkan untuk menyediakan Pelan Induk Sistem Saliran di kawasan ini

merangkumi cadangan saliran *Monsoon Drain* dengan mengambil kira guna tanah, taburan hujan dan tahap pembangunan yang sedang berjalan.

Walaubagaimana pun dari segi pelaksanaannya kelak, pembinaan sistem saliran (*Monsoon Drain*) adalah dibawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) selaras dengan Seksyen 50, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).

Sekian terima kasih.